



Amrahi Buang  
RPh 581  
BPharm (Hons), MMPS  
President  
Malaysian Pharmaceutical Society  
2016-2020

## KEPENTINGAN ANTIBIOTIK

RAMAI YANG BERPENDAPAT BAHAWA ANTIBIOTIK MERUPAKAN PENYEMBUH SEGALA PENYAKIT TAK KIRA RINGAN ATAUPUN BERAT. MASYARAKAT LEBIH SELESA MEMILIH JALAN MUDAH UNTUK MENGAMBIL ANTIBIOTIK BERBANDING UBAT-UBATAN YANG LAIN, KERANA DIPERCAYAI UBAT JENIS INI MAMPU UNTUK MENGAWAL VIRUS DALAM BADAN SESEORANG DAN SEKALI GUS MEMBASMI BAKTERIA SEDIA ADA DALAM BADAN.



Sifat sambil lewa oleh sebahagian masyarakat Malaysia menyaksikan November lalu satu aktiviti iaitu Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia (WAAW) sepanjang 12-18 November 2018 telah diadakan bertujuan untuk memerangi ancaman kesihatan global yang dibawa perintang antibiotik (AMR) yang mampu memberi kesan kepada orang ramai di semua peringkat umur, tak kira di mana-mana negara, serta industri penjagaan kesihatan, veterinar, dan pertanian, menjadikan ia salah satu masalah kesihatan dunia yang wajib diambil peduli.

### KERINTANGAN ANTIBIOTIK MERUPAKAN ANCAMAN UNTUK SEMUA

AMR merupakan punca 700,000 kematian di seluruh dunia, Pada tahun 2016, 490,000 orang di seluruh dunia menghadapi penyakit TB yang mempunyai kerintangan terhadap isu ubat, dan telah mula membawa komplikasi dalam rawatan HIV dan Malaria.

Bakteria gram negatif yang menyebabkan pelbagai jangkitan yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan (HAI) telah menjadi semakin kebal terhadap rawatan antibiotik sedia ada. Pakar perubatan seperti Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) bersetuju bahawa AMR akan mengakibatkan 10 juta kematian di seluruh dunia pada setiap tahun menjelang tahun 2050 jika tindakan tidak diambil.

Malaysia tidak terlepas daripada krisis kesihatan ini. Jumlah bakteria yang mempunyai kadar rintangan yang tinggi terhadap antibiotik semakin meningkat, sehingga ada yang mencecah sebanyak 61 peratus. Ini bermaksud terdapat 61 peratus kemungkinan bahawa antibiotik yang diberikan kepada pesakit yang dirawat tidak berkesan.

### BAGAIMANA IA BOLEH TERJADI?

AMR boleh memberi kesan kepada sesiapa sahaja, tidak kira umur atau negara. Ia berlaku apabila patogen berubah dan mencari cara untuk menentang keberkesanan antibiotik. Patogen berkenaan membesar, dan menyebarkan kadar rintangannya. Proses adaptasi ini akan menyebabkan AMR. Jika tiada penyelesaian, ia boleh membawa maut. Ini kerana ia tidak mampu lagi berkesan pada badan anda walaupun anda sedang bertarung nyawa dengan sakit yang kronik.

Banyak prosedur perubatan rutin akan menjadi terlalu berisiko untuk dilakukan kerana risiko dijangkiti oleh patogen yang telah membuatkan seseorang itu menjadi kebal terhadap ubat. Antibiotik terdiri daripada pelbagai jenis yang hanya akan diberikan setelah mengesan bakteria yang terdapat dalam penyakit seseorang. Kerana itu, sering kali doktor akan

mengambil sampel darah pesakit kerana ingin mengesan bakteria yang hanya antibiotik tertentu sahaja boleh melawan. Proses yang diambil oleh doktor sangat rumit, dan apa jua jenis ubat yang diberikan adalah yang terbaik untuk menyembuhkan penyakit seseorang.

### PERLU ATAU TIDAK BERJUMPA DOKTOR JIKA SAKIT, ATAUPUN TERUS KE FARMASI?

Masyarakat hari ini tidak mahu bergantung kepada doktor kerana mempunyai fikiran bahawa mereka lebih mengenali tubuh mereka sendiri. Sifat tidak mahu berjumpa dengan pegawai perubatan kerajaan mahupun swasta sememangnya menjadi rutin buat mereka yang berada dalam kesakitan.

Retail Pharmacist yang kini diberi gelaran baru iaitu Community Pharmacist pada tahun 2006 kerana ahli farmasi ini bertanggungjawab untuk membantu masalah kesihatan penduduk setempat. Sebagai ahli farmasi, kami merupakan sebahagian daripada masyarakat di sekeliling kami. Ahli-ahli farmasi berjumpa dengan berjuta orang awam di seluruh negara pada setiap hari. Hubungan dengan komuniti ini boleh dijadikan senjata utama dalam memerangi AMR.

Rata-rata mereka yang sakit hanya akan ke farmasi berdekatan dan mengambil ubat sebagai contoh Parasetamol lalu terus membuat bayaran di kaunter tanpa sesi perundingan dengan ahli farmasi yang bertugas. Tidak menjadi masalah sebenarnya untuk terus ke farmasi tanpa perlu berjumpa dengan doktor, namun anda harus tahu jenis ubat apa yang sesuai dengan penyakit yang sedang anda hadapi.

Ahli farmasi perlu merujuk kepada doktor sekiranya pesakit memerlukan ubat antibiotik kerana ubat jenis ini memerlukan preskripsi doktor terlebih dahulu sebelum seorang ahli farmasi boleh membekalkan ubat tersebut kepada pesakit serta memberikan kaunseling ubat.

### NASIHAT

Masalah ini tidak boleh diambil enteng oleh masyarakat. Kami tidak mempunyai masalah dengan mereka yang memang dalam bidang perubatan kerana antibiotik hanya akan dikeluarkan bila perlu. Orang ramai, di luar sana harus memandangi masalah ini sebagai satu masalah yang serius. Kedua-dua belah pihak, doktor dan pesakit harus memahami situasi ini. Jangan terlalu berfikir bahawa antibiotik penyembuh pelbagai penyakit dan jangan juga mendesak pakar perubatan anda untuk memberi antibiotik kepada anda. Sentiasa wujudkan tanda tanya dalam diri anda "Perlu ke antibiotik untuk penyakit ini?"